

INDUSTRI MAKANAN

Majlis Halal Malaysia beri harapan baharu usahawan PKS

Jawatankuasa Khas Kabinet Pengurusan dan Pembangunan Industri Halal Malaysia yang dibubarkan baru-baru ini dan diganti dengan Majlis Halal Malaysia (MHM) memberi harapan baharu kepada sektor perusahan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini yang diharap mampu meningkatkan hasil keluaran Bumiputera di negara ini sehingga ke peringkat global.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata melalui MHM, pembahagian tugas mengenai perkembangan industri halal akan dibahagikan antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Halal Industry Development Corp (HDC).

Menurutnya, JAKIM akan menumpukan kepada proses pensijilan, tadbir urus serta perkara berkaitan syariah, manakala HDC fokus terhadap memperkembangkan industri halal dan mengantarabangsakan industri itu. Badan dan agensi lain pada pelbagai Kementerian akan disatukan di bawah MHM yang dijangka mampu memberi keberhasilan tinggi kepada industri ini.

Malaysia sudah lama memu-

lakan pensijilan halal dan harus diambil beberapa langkah proaktif dalam usaha menjadikannya sebagai negara yang sentiasa berada di barisan hadapan berkaitan pengeluaran produk halal.

Sehubungan itu, satu akta khusus mengenai MHM akan disediakan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan JAKIM.

Produk halal penyumbang terbesar

Produk halal antara penyumbang besar pertumbuhan ekonomi negara masa kini terutama dalam kalangan penduduk Islam dunia. Ia berpotensi dikembangkan ke seluruh dunia kerana ada sepuluh negara yang mempunyai penduduk Muslim terbesar.

Populasi umat Islam ketika ini adalah lebih 1.6 bilion atau sekitar 23.4 peratus jumlah penduduk dunia sekali gus menjadikan Islam sebagai agama dengan jumlah penganut terbesar di dunia.

Pertumbuhan jumlah umat Islam ini akan terus meningkat dan dijangka pada tahun 2030 jumlahnya bertambah sekitar 2.2 bi-



Produk halal mampu memberi pulangan besar kepada negara memandangkan sebahagian besar penduduk negara ini beragama Islam.

[GAMBAR HIASAN]

lion atau 35 peratus penduduk dunia. Penduduk Islam Indonesia mewakili 12.7 peratus daripada jumlah masyarakat Islam di dunia. Pada tahun 2010, penganut Islam di Indonesia sekitar 205 juta atau 88.1 peratus daripada jumlah penduduknya.

Pakistan mewakili 11 peratus daripada jumlah penduduk Muslim dunia atau 178 juta yang mewakili 96.4 peratus daripada jumlah penduduknya. Bangladesh pula (90.4 peratus daripada jumlah penduduknya atau sekitar 149 juta), Mesir (80 juta atau 4.9 peratus daripada seluruh Muslim di dunia dan 94.7 peratus pendu-

duknya), Nigeria (memiliki jumlah umat Islam yang banyak walaupun hanya 47.9 peratus penduduknya beragama Islam iaitu 4.7 peratus daripada jumlah penduduk Islam dunia) manakala Iran (99.6 peratus penduduknya beragama Islam).

Penganut Islam mengutamakan kebersihan dan kesucian bahan digunakan dalam produk pengeluaran kerana ia berkait rapat dengan ajaran Islam.

Sehubungan itu, Malaysia mempunyai peluang luas bagi memasarkan produk mereka ke seluruh dunia terutama dalam kalangan masyarakat Islam di

Malaysia hab halal

Langkah menjadikan negara ini sebagai halal hab tepat pada masanya dalam keadaan umat Islam dunia mencari-cari negara yang mampu mengeluarkan produk yang dianggap suci, bersih dan berkualiti.

Rakyat Malaysia terutama yang beragama Islam di negara ini mesti bersedia membabitkan diri dalam industri halal. Negara kita mempunyai banyak bahan mentah halal dan mampu membekalkan bahan makanan ke seluruh dunia terutama dalam kalangan penduduk Islam.

Adalah diyakini, suatu masa dunia Islam mampu mengawal ekonomi dan produk makanan halal sekiranya mereka bersatu sebagai pengeluar dan pengguna yang mampu berdaya saing di pasaran global. Malaysia mampu melaksanakan tugas ini kerana ia sememangnya sudah dikenali dalam kalangan umat Islam di dunia.

Kita berharap jutawan Muslim di negara ini berani melabur dalam industri produk halal jika mereka benar-benar menjiwai Islam. Keberanian ini adalah satu jihad ekonomi yang perlu dibuat demi kepentingan dunia dan akhirat dengan niat kerana Allah SWT.

Azmi Abdul Malek,
Ipoh, Perak.